

Joanna percaya Jho Low adalah penasihat Najib dalam 1MDB

Oleh **NORLIZAH ABAS**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang bekas pegawai bank memberitahu Mahkamah Tinggi di sini semalam, beliau percaya ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low adalah penasihat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berjawatan Pengerusi Lembaga Penasihat Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Pengurus Perhubungan AmBank, Joanna Yu Ging Ping, 51, berkata, Jho Low sendiri yang memperkenalkan diri sebagai penasihat Najib dalam 1MDB sewaktu mengadakan beberapa pertemuan dengan ahli perniagaan tersebut.

Menurut saksi pendakwaan ke-41, kepercayaan itu juga ber-

asaskan kepada situasi sewaktu mesyuarat 1MDB berlangsung apabila beberapa pengurusan tertingginya kerap merujuk Jho Low sebagai 'boss' dan bekas Perdana Menteri sebagai 'big boss'.

Joanna menegaskan, oleh yang demikian pihaknya tidak pernah curiga ketika Jho Low yang secara berterusan mengaku mewakili Najib, memaklumkan beliau berhasrat membuka akaun peribadi di AmBank.

"Saya tidak pernah sangsi Jho Low mewakili Najib sebagai penasihat kerana kerap bertemu-nya di pejabat 1MDB meskipun tidak bertemu Najib di situ," jelas beliau pada sesi pemeriksaan semula yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib.

Joanna memberikan kete-

rangan terhadap Najib, 69, yang menghadapi pertuduhan rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan perubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Sewaktu menjawab soalan Ahmad Akram, saksi menyatakan beliau tidak pernah meragui Jho Low penasihat Najib dalam 1MDB kerana ahli perniagaan itu kerap memintanya menyemak status kad kredit Najib setiap kali ia tidak boleh digunakan.

"Saya gagal mengesahkan perkara itu (Jho Low penasihat Najib) dengan lebih mendalam kerana saya tidak rasa boleh bertemu Najib atau mengunjungi kediamannya, bukan taraf saya berbuat demikian," kata Joanna.

Pada awal prosiding, Joanna turut ditanya pihak yang kerap hadir ke kaunter bank untuk

memasukkan sejumlah wang tunai yang banyak ke dalam akaun Najib secara berterusan setiap kali bakinya tidak mencukupi.

Saksi berkata, selalunya dua orang dikenali sebagai Kee Kok Thiam dan Josie Lim hadir membawa wang tunai dan mereka bukan daripada Arab, sebaliknya rakyat negara ini.

Joanna turut memberitahu, Najib tidak pernah membuat aduan berhubung kemasukan wang tunai melalui kaunter mahupun bertanyakan mengapa beliau tidak menerima penyata akaun daripada pihak bank.

Sewaktu diminta menjelaskan hubungan rapatnya dengan Jho Low, Joanna menyatakan beliau mula mengenali ahli perniagaan itu pada 2007 ketika ditugaskan menguruskan pinja-

mannya dengan pihak bank.

Joanna sekali lagi menegaskan beliau tiada hubungan rapat dengan Jho Low meskipun kerap bertemu di kediaman mewah lelaki itu bagi membincangkan urusan perbankan dan beliau tidak bersendirian sebaliknya sentiasa ditemani oleh pihak lain.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung 27 Februari ini.

Najib didakwa melakukan perbuatan rasuah di AmIslamic Bank Berhad, Bukit Ceylon di sini di antara 24 Februari 2011 dan 19 Disember 2014.

Bagi 21 pertuduhan perubahan wang haram, Najib didakwa melakukan kesalahan itu di bank sama, antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013.